

Cinta dan Hormat kepada Rasulullah SAW

▣ Zakaria Stapa


Profesor Emeritus Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mencintai dan menghormati Rasulullah SAW merupakan perlakuan akhlak mulia yang amat dituntut oleh ajaran Islam. Hal ini sebenarnya berkaitan langsung dengan Islam yang merupakan agama fitrah dan amat sesuai dengan fitrah semula jadi manusia, selama fitrah tersebut tidak dicemari oleh unsur-unsur luar, terutamanya nafsu. Fitrah manusia yang bersih dan suci akan mengiktiraf dan memberikan penghormatan sewajarnya kepada mana-mana pihak yang berjasa dan berbakti kepadanya. Memang sepatutnya seseorang manusia yang memiliki fitrah yang normal dan bersih tidak akan mengkhianati orang yang berjasa kepada dirinya.

Demikianlah halnya dengan peranan Rasulullah SAW dalam kaitan dengan keseluruhan kehidupan setiap Muslim. Jasa Baginda amat besar sebagai pembawa rahmat, bukan hanya kepada golongan Muslim, tetapi juga ke seluruh alam yang wujud dalam ciptaan Allah SWT. Hal ini terungkap jelas dalam firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan tiadalah Kami mengutus engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam.” (*Surah al-Anbiya’* 21:107).

Sebagaimana tercatat dalam sejarah, Rasulullah SAW telah bertungkus lumus berjuang di Makkah dan Madinah untuk membawa keluar manusia seluruhnya daripada kegelapan kufur kepada cahaya Islam yang bergemerlapan. Dalam melaksanakan tugas dan perjuangan tersebut, Baginda telah berhadapan dengan pelbagai kesukaran dan penderitaan. Baginda dihina, digelar sebagai orang gila dan tukang sihir, disakiti, diusir, malah diancam untuk dibunuh. Namun begitu, semua perkara itu tidak pernah melunturkan semangat

Baginda daripada meneruskan perjuangan suci untuk membawa rahmat ke serata alam. Pada hakikatnya,



Semakin bertambah kekuatan iman seseorang, maka akan bertambah pula cintanya kepada Rasulullah SAW. Hal ini bermakna bahawa keyakinan dan kepercayaan kepada rukun iman, khususnya percaya kepada rasul memainkan peranan yang jelas untuk menumbuhkan rasa cinta kepada Rasulullah SAW.

jasa besar yang disumbangkan oleh Rasulullah SAW kepada makhluk seluruhnya, tidak dapat dibalas sepenuhnya oleh manusia. Oleh sebab itu, cukuplah manusia dituntut memberikan apresiasi menerusi rasa cinta dan hormat kepada Baginda.

Dengan peranan serta jasa besar yang telah disumbangkan oleh Rasulullah SAW terhadap kehidupan manusia, khususnya umat Islam, maka sewajarnya Baginda dicintai dan disayangi sepenuh hati oleh seluruh umat Islam. Cinta dan rindu itu sebagaimana yang tergambar dalam kisah Bilal bin Rabah, muazin Rasulullah SAW ketika saat terakhir kehidupan duniawinya. Pada saat tersebut, Bilal diziarahi oleh beberapa orang sahabat yang mengungkapkan rasa pilu kerana terpaksa berpisah dengannya dan berkata, "Aduhai, betapa pedih hati kami." Mendengar ungkapan tersebut, lantas Bilal menjawab, "Betapa gembira hatiku kerana aku akan segera

bertemu dengan Rasulullah SAW."

Demikian rasa cinta dan rindu para sahabat terhadap Rasulullah SAW yang perlu diteladani oleh seluruh umat Islam. Sesungguhnya Rasulullah SAW sendiri pun sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran amat mencintai dan menyayangi umatnya, khususnya golongan mukmin. Hal ini boleh difahami menerusi firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul daripada golongan kamu sendiri (iaitu Rasulullah SAW), yang menjadi sangat keberatan kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung olehmu, yang sangat loba (inginkan) kebaikan bagi kamu (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang yang beriman." (Surah al-Tawbah 9:128).

Dalam keadaan Rasulullah SAW sendiri mencintai umatnya sedemikian rupa, maka tidak patut sama sekali jika kita mengetepikan rasa cinta yang sejati kepada Rasulullah SAW. Oleh itu, di sinilah terpasak kukuh keperluan umat Islam mencintai Rasulullah SAW melebihi cinta terhadap segala yang lain. Begitulah jasa besar yang telah disumbangkan oleh Rasulullah SAW, di samping Baginda pula begitu kasih dan cinta akan umatnya. Berasaskan dua keadaan tersebut, maka amat tidak wajar jika umat Islam tidak mencurahkan rasa cinta sejati kepada Rasulullah SAW dan mengutamakan cinta terhadap perkara lain berbanding dengan cinta kepada Baginda.

Selaras dengan keadaan ini, dapatlah difahami dengan baik mengapa Allah SWT yang Maha Mengetahui segala sesuatu telah meletakkan keperluan umat Islam mencintai Rasulullah SAW mengatasi cinta akan perkara lain. Hal ini jelas terungkap dalam firman Allah SWT yang bermaksud, "Katakanlah (wahai Muhammad): Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara yang engkau cintai lebih daripada Allah dan rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agamanya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya), kerana Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada orang yang fasik." (*Surah al-Tawbah* 9:24).

Oleh itu, perlu difahami bahawa proses mencurahkan rasa cinta oleh umat Islam sebenarnya mempunyai hierarki yang tersendiri, iaitu bermula daripada tingkat yang paling tinggi, iaitu kepada Allah SWT dan dikuti kepada Rasulullah SAW, selepas itu baru muncul cinta kepada pihak lain. Hierarki ini juga sebenarnya berkaitan langsung dengan asas logik yang ditunjangi oleh kepentingan jasa dan sumbangan yang diberikan oleh sesatu pihak kepada pihak lain seperti yang dibincangkan, malahan hal ini juga sebenarnya bersangkutan dengan persoalan

hakiki yang memberikan makna sebenar kewujudan dan kehidupan manusia serta kemanusiaan secara keseluruhan.

Perasaan cinta kepada Rasulullah SAW juga dikaitkan secara langsung dengan persoalan penghayatan keimanan seseorang Muslim dalam kehidupan hariannya. Hal ini jelas berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Tidak sempurna iman seseorang antara kamu sehinggalah aku lebih dicintai olehnya daripada dirinya sendiri, orang tuanya, anaknya dan semua manusia." (Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim dan al-Nasa'i). Di sini tergambar bahawa seolah-olah semakin bertambah kekuatan iman seseorang, maka akan bertambah pula cintanya kepada Rasulullah SAW. Hal ini bermakna bahawa keyakinan dan kepercayaan kepada rukun iman, khususnya percaya kepada rasul memainkan peranan yang jelas untuk menumbuhkan rasa cinta kepada Rasulullah SAW.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa akhlak mulia berkaitan dengan cinta kepada Rasulullah SAW ini perlu dipupuk dan disemai pada setiap diri umat Islam berdasarkan logik dan iman. Aspek logiknya tertumpu pada keperluan seseorang mencintai dan mengasihi pihak yang menyumbang jasa kepada kehidupannya, lebih-lebih lagi jasa besar yang bersangkutan dengan kehidupannya yang abadi. Sedangkan aspek iman pula perlu dipupuk berdasarkan kepercayaan kepada rukun

iman, khususnya yang berkaitan dengan kepercayaan kepada rasul.

Turutan daripada rasa cinta yang telah bertakhta di hati, tentunya mudah untuk memunculkan rasa hormat. Berdasarkan kedudukan dan imej Rasulullah SAW pada mata para Muslim, maka Allah SWT memerintahkan supaya manusia menghormati Baginda dengan cara tidak mendahului Baginda dalam membuat apa-apa keputusan. Dalam *Surah al-Hujurat* ayat 1, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan rasul-Nya, dan bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Berhubung dengan ayat ini, Muhammad Ali al-Sabuni dalam tulisan beliau, *Safwat al-Tafasir* mencatatkan bahawa para sahabat sekiranya berada dalam majlis bersama-sama Rasulullah SAW, mereka tidak akan mendahului Baginda ketika memberikan jawapan terhadap apa-apa juga persoalan yang diajukan dalam majlis berkenaan. Demikian juga sekiranya dihidangkan makanan, para sahabat tidak akan makan sebelum Rasulullah SAW terlebih dahulu memulakannya. Sewaktu berjalan bersama-sama Rasulullah SAW, para sahabat tidak akan berada di hadapan.

Demikianlah gambaran penghormatan para sahabat kepada Rasulullah SAW yang

sempat hidup bersama-sama Baginda dalam proses untuk menghayati perintah Allah SWT seperti yang terkandung dalam ayat tersebut. Walau bagaimanapun, dalam konteks masa ini dan masa selepas wafatnya Rasulullah SAW, maka bentuk akhlak mulia yang perlu dihayati oleh ummah berkaitan dengan perintah ayat al-Quran tersebut adalah dengan cara tidak menetapkan apa-apa juga hukum atau keputusan yang hendak diikuti dalam menjalani kehidupan melainkan setelah terlebih dahulu meneliti dan mengkaji secara mendalam isi kandungan al-Quran dan sunah sebagai dua sumber autentik peninggalan Baginda. Hal ini selaras dengan tuntutan daripada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan tersesat selamanya-lama selagi kamu berpegang teguh dengan kedua-duanya, iaitu Kitab Allah dan sunah nabi-Nya.” (Hadis riwayat Malik).

Bentuk penghormatan lain yang diperintahkan oleh Allah supaya dihayati oleh umat Islam dalam hubungan dengan Rasulullah SAW adalah seperti yang terkandung dalam firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara semasa menghadapkan percakapan kepadanya sebagaimana sesetengah kamu menyaringkan suaranya semasa menghadapkan percakapan kepada sesetengahnya yang lain. (Larangan yang demikian)

Mutiara Hikmah

Imam Qadi ‘Iyad rahimahullah menyatakan, antara tanda seseorang mencintai Rasulullah adalah dengan mencintai al-Quran yang diturunkan kepadanya. Baginda SAW mengambil petunjuk dan membimbing (manusia) dengannya serta berakhlak dengannya sehingga Aisyah r.a. menyatakan, “Sesungguhnya akhlak Baginda SAW ialah al-Quran.” (Hadis riwayat Ahmad).

Ibn Mas‘ud r.a. berkata, “Janganlah seseorang menanyakan untuk dirinya kecuali al-Quran. Apabila dia mencintai al-Quran, maka dia mencintai Allah dan Rasul-Nya.” (*Huquq al-Nabi* 1/343).

supaya amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.” (*Surah al-Hujurat* 49:2).

Jelas bahawa umat Islam tidak dibenarkan bercakap dengan mengangkat suara melebihi suara Rasulullah SAW semasa berlaku dialog, untuk menyampaikan sesuatu perkara di hadapan Baginda.

Para ulama berpendirian bahawa hal tersebut masih terpakai dan relevan pada zaman setelah wafatnya Rasulullah, tetapi dalam pengertian bahawa umat Islam dalam tempoh tersebut mestilah berkelakuan sopan dan menghormati dengan cara

tidak mengangkat suara semasa berdialog atau bercakap di hadapan para ulama pewaris nabi. Demikian juga dalam majlis yang membincangkan atau mengajarkan warisan peninggalan Nabi Muhammad SAW seperti majlis perbincangan dan pengajaran berkaitan dengan al-Quran dan sunah. Hal seumpama ini merupakan lambang penghormatan kepada Rasulullah SAW itu sendiri, sekalipun Rasulullah SAW sudah tidak lagi bersama-sama umat Islam.

Walaupun bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, umat Islam semasa secara umumnya dilihat mempunyai masalah yang besar dalam hal berkaitan dengan penghayatan nilai akhlak mulia yang mesti dipamerkan dalam perlakuan mereka menerusi rasa cinta dan hormat kepada Rasulullah SAW. Walaupun berlaku reaksi tertentu dalam kalangan umat Islam apabila berhadapan dengan perbuatan menghina Rasulullah SAW oleh pihak lain, khususnya kalangan bukan Islam, namun perkara yang lebih mendasar seperti yang dibincangkan dalam tulisan ini, nyata agak sukar ditemui di tengah-tengah masyarakat Muslim. Oleh itu, persoalan hierarki cinta, keutamaan terhadap tuntutan al-Quran dan sunah dalam penetapan sesuatu keputusan dan hukum yang hendak diguna pakai dalam kehidupan harian, serta penghormatan kepada ulama sebagai lambang penghormatan kepada Rasulullah SAW, sukar dijumpai dalam kehidupan ummah semasa. ^①